

FMM bimbang pekerja minta naik gaji

KUALA LUMPUR 21 Okt.

— Persekutuan **Pekilang-pekilang Malaysia (FMM)** melahirkan kebimbangan kemungkinan kesatuan pekerja akan meminta **kenaikan gaji yang mendadak** berikutan **pengumuman kenaikan gaji kakitangan** awam sebanyak 10 peratus pada tahun depan.

Naib Presidennya, **Datuk Yong Poh Kon** berkata, **banyak** syarikat yang kini menghadapi masalah berikutan ketidaktentuan ekonomi dunia akan **terus** dilanda masalah **keuangan** jika kesatuan **pekerja** meminta kenaikan **pada** kadar yang **sama**.

“Sektor swasta perlu mengelak kenaikan gaji 10 peratus ini terutamanya ketika keadaan ekonomi tidak menentu seperti sekarang,” katanya.

Pada pembentangan **Belanjawan 2002** Jumaat lalu, **Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** mengumumkan kakitangan awam akan menikmati kenaikan gaji 10 peratus selain daripada bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya **RM1,000** tahun depan.

Menurutnya, jika gaji pekerja swasta meningkat maka harga kos **pembuatan** sesuatu barangan **juga** akan meningkat, sekali gus mengurangkan **kompetitif** barangan **tempatan**.

Kejutan

Tambah Yong, beliau **te**lah menjangka **kakitangan** kerajaan akan **menerima** bonus tahun depan **tapi** kenaikan gaji **merupakan** satu kejutan **kepadanya**.

Sementara itu, Pegawai Kanan Ekonomi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (**MIER**), Kevin Chew berkata, berbanding dengan pekerja swasta, kakitangan awam **dijangka** akan **membelanjakan** bonus dan kenaikan gaji mereka, sekali gus **membantu** merangsang **ekonomi** negara **pada** tahun depan.

Jelasnya, kesediaan **kakitangan** awam untuk **berbelanja** itu disebabkan **pekerjaan** mereka terjamin berbanding pekerja **swasta** yang dihantui **kehilangan** pekerjaan ekoran **kelembapan** ekonomi dunia.